

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah Pondok Moden Al-'Abaqirah yang telah ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan mampu melahirkan ulama' Rabbani yang pakar dalam bidang agama dan kehidupan serta nyatakan sambutan umum terhadap pondok moden ini.**

**JAWAPAN: YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pondok Moden Al-'Abaqirah ditubuhkan atas permintaan masyarakat dan hasrat untuk melahirkan cendekiawan Islam yang mahir dalam ilmu agama dan ilmu dunia. Objektif utama penubuhan pondok moden ini adalah melahirkan ulama' Rabbani yang pakar dalam bidang agama dan kehidupan. Menerusi pondok moden ini, MAIWP berharap ia dapat

melahirkan barisan pelapis kepada para mufti, hakim syarie dan juga pakar rujuk agama di negara ini.

Justeru, bagi memastikan objektif dan matlamat penubuhannya dapat direalisasikan, MAIWP telah menggariskan kurikulum utama pondok moden iaitu kitab *turath* atau lebih dikenali sebagai kitab kuning. Pembelajaran memfokuskan kepada metodologi mengkaji kitab turath dalam bentuk transformasi dan moden. Dalam masa yang sama ia turut mementingkan sahsiah dan ilmu para ulama' terdahulu agar keberkatan ilmu sentiasa wujud.

Pembelajaran akademik arus perdana juga menjadi kurikulum terpenting. Ia adalah bagi membolehkan pelajar lepasan pondok moden mempunyai kelayakan akademik yang diiktiraf Kerajaan. Bagi membantu penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar, MAIWP juga telah melantik guru-guru dari timur tengah sebagai tenaga pengajar

Penubuhan Pondok Moden Al-'Abaqirah ini mendapat sambutan yang sangat baik daripada masyarakat. Sebanyak 136 permohonan telah diterima setelah iklan pengambilan dikeluarkan pada 15 Julai 2015 yang lalu. Permohonan bukan hanya diterima daripada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia bahkan Sabah dan Sarawak. Ini membuktikan bahawa penerimaan masyarakat terhadap institusi ini sangat positif. Seramai 44 orang pelajar lulus temuduga dan berjaya diterima masuk pada sesi pendaftaran yang telah diadakan pada 16 Ogos 2015 dan tiada calon yang menolak tawaran.

Sekian, terima kasih.